



08 OCT, 2020

## 348 sekolah di zon merah ditutup

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

### 348 sekolah di zon merah ditutup

**SHAH ALAM** - Kesemua 384 sekolah di kawasan zon merah di daerah Klang, Selangor serta di Sandakan, Papar dan Tuaran, Sabah ditutup bermula hari ini sehingga 23 Oktober ini.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam satu kenyataan berkata, bilangan itu merangkumi sekolah rendah dan menengah di bawah KPM serta sekolah swasta

yang berdaftar dengan KPM. Menurutnya, ini melibatkan sebanyak 142 sekolah di daerah Klang, Selangor dan 242 sekolah keseluruhan di tiga daerah di Sabah.

"Sekolah yang mempunyai asrama termasuk Kolej Vokasional juga ditutup.

"Ibu bapa atau penjaga perlu mengambil pelajar yang tinggal di asrama tersebut untuk pulang," menurut kenya-

taan itu di sini semalam.

Bagaimanapun, tambah kenyataan itu, pelajar yang menunggu untuk diambil ibu bapa atau pelajar yang ingin turus kekal berada di asrama sekolah dan Kolej Vokasional sepanjang tempoh penutupan sekolah akan berada di bawah penjagaan warden asrama.

Katanya, keperluan makan dan minum pelajar sepanjang tempoh tersebut akan disedi-

akan oleh pihak sekolah.

"Dalam tempoh penutupan sekolah ini, pengetua dan guru besar akan memastikan guru-guru serta pelajar melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah mengikut kesesuaian guru dan pelajar.

"Manual pengajaran dan pembelajaran di rumah boleh dimuat turun di portal rasmi KPM [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)," katanya.

#### Info SOP PKPB

- Hanya dua orang dari sebuah rumah dibenarkan untuk keluar bagi tujuan mendapatkan bekalan makanan/keperluan rumah.
- Perniagaan Bukan Perkhidmatan Perlu (*Non Essential Service*) hendaklah ditutup.
- Restoran, kedai makan, kedai runcit dan kedai serbaneka dibenarkan beroperasi antara jam 6 pagi hingga 6 petang.
- Pembelian makanan hanya menggunakan kaedah pandu lalu penghantaran (*delivery*) dan *take away*.
- Waktu operasi stesen minyak antara jam 6 pagi hingga 6 petang sahaja.
- Operasi pasar harian adalah antara jam 6 pagi hingga 2 petang sahaja.
- Operasi pasar malam, tamu, pasar borong dan pasar tani adalah tidak dibenarkan.
- Waktu operasi klinik dan hospital kerajaan dan swasta dibenarkan secara 24 jam.
- Farmasi dan kedai menjual ubat-ubatan beroperasi mulai jam 6 pagi hingga 6 petang sahaja.
- Kenderaan yang membawa barang keperluan (*essential*) dibenarkan keluar masuk dengan mendapatkan kebenaran PDRM terlebih dahulu.
- Perkhidmatan teksi/e-hailing (maksimum 2 penumpang) dan penghantaran makanan dibenarkan beroperasi dari jam 6 pagi hingga 8 malam sahaja.
- Perkhidmatan bas ekspres dan bas henti-henti tidak dibenarkan beroperasi.
- Bagi kes kecemasan adalah dibenarkan tetapi perlu mengemukakan permohonan pergerakan kepada pihak berkuasa.
- Penduduk yang bekerja tidak dibenarkan keluar dari kawasan dan tidak boleh bekerja sepanjang tempoh PKPB.
- Majikan hendaklah mematuhi perintah ini dan membenarkan pekerja bercuti atau bekerja dari rumah.
- Kebenaran untuk bekerja hanya bagi Perkhidmatan Perlu (*essential service*) dengan kelulusan PDRM.
- Masjid, surau, rumah ibadat bukan Islam, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, institut latihan kemahiran, sekolah, tadika, taska, pusat tafhib, pusat jagaan kanak-kanak adalah ditutup.
- Semua aktiviti sukan, rekreasi, sosial dan budaya adalah tidak dibenarkan.



08 OCT, 2020

## 348 sekolah di zon merah ditutup

---

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

SHAH ALAM - Kesemua 384 sekolah di kawasan zon merah di daerah Klang, Selangor serta di Sandakan, Papar dan Tuaran, Sabah ditutup bermula hari ini sehingga 23 Oktober ini. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam satu kenyataan berkata, bilangan itu merangkumi sekolah rendah dan menengah di bawah KPM serta sekolah swasta

yang berdaftar dengan KPM. Menurutnya, ini melibatkan sebanyak 142 sekolah di daerah Klang, Selangor dan 242 sekolah keseluruhan di tiga daerah di Sabah.